



Good food, Good life

## **TERMA DAN SYARAT**

### **A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <b><u>Promosi:</u></b>	PERADUAN MAGGI GAYU GURU, GERAJ NYAMAI JOM MASAK & BERKONGSI BERSAMA.
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/05/2022 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/06/2022.
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk di <b>SARAWAK</b> yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di <b>SARAWAK</b> . Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <b><u>Produk Turut Serta &amp; Kaedah Penyertaan:</u></b>	<p>a. Sila rujuk Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] yang ditunjukkan pada borang penyertaan Promosi ["Borang"] untuk senarai produk MAGGI yang mengambil bahagian dengan tarikh luput <u>Mei 2022</u> atau ke atas untuk Promosi ["Produk"].</p> <p>b. Borang boleh didapati di: <a href="https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-gawai-kaamatan/">https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-gawai-kaamatan/</a>.</p> <p>c. Terdapat tiga [3] kaedah penyertaan dalam Promosi iaitu sama ada melalui:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Pos; atau</li><li><i>Drop Box</i> – hanya tersedia di outlet yang mengambil bahagian dengan Promoter; atau</li><li>WhatsApp.</li></ol> <p>Semua kaedah penghantaran lain termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kurier, atau POS Laju akan dibatalkan.</p> <p>d. Semasa proses pemilihan Pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri kepada penyertaan Pos, Drop Box dan WhatsApp yang diterima mengikut Jadual BP sehingga <b>maksima lima puluh [50] nombor bersiri</b> sahaja. Sila rujuk klausa Maklumat Pengadiln di bawah.</p>

	<p>e. Semua penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur.</p>
<p>6. <b><u>Kaedah Penyertaan Melalui Pos &amp; Drop Box:</u></b></p>	<p>a. Untuk menyertai dalam Promosi dan menghantar penyertaan <b>melalui Pos atau Drop Box</b>, beli minima satu [1] atau lebih Produk daripada mana-mana outlet semasa Tempoh Promosi. Bukti pembelian ialah pembungkusan penuh Produk ["Pembungkusan"].</p> <p>b. Lengkapkan satu [1] Borang Penyertaan Promosi ["Borang"] dengan butiran yang diperlukan iaitu nama penuh, nombor pengenalan dan nombor telefon bimbit [WhatsApp diaktifkan] dan lampirkan <b>satu [1] atau lebih Pembungkusan</b> sebagai bukti pembelian.</p> <p>i. <u>Melalui Pos</u>: Borang yang telah lengkap diisi bersama dengan <b>satu [1] atau lebih Pembungkusan</b> hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dipos melalui pos biasa sahaja ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam Borang:  PERADUAN MAGGI GAYU GURU, GERAJ NYAMAI JOM MASAK &amp; BERKONGSI BERSAMA.  PO BOX A322, KENYALANG PARK  93307 KUCHING, SARAWAK  <b>ATAU</b></p> <p>ii. <u>Melalui Drop Box</u>: : Borang yang telah lengkap diisi bersama dengan <b>satu [1] atau lebih Pembungkusan</b> mesti dimasukkan ke dalam <i>Drop Box</i> di mana-mana outlet yang mengambil bahagian bersama dengan Promoter ["Penyertaan Pos &amp; Drop Box"].</p> <p>c. Penganjur menerima Penyertaan Pos &amp; Drop Box dengan berbilang Pembungkusan.</p> <p>d. Penyertaan Pos &amp; Drop Box yang tidak boleh dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan.</p>
<p>7. <b><u>Kaedah Penyertaan Melalui WhatsApp:</u></b></p>	<p>a. Untuk menyertai dalam Promosi dan menghantar penyertaan <b>melalui WhatsApp</b>, beli sekurang-kurangnya satu [1] atau lebih Produk dalam satu resit bercetak daripada mana-mana outlet semasa Tempoh Promosi. Bukti pembelian adalah resit bercetak tunggal.</p> <p>b. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem '<i>Point-of-Sales</i>' dan/atau resit bertulis dan/atau e-invois untuk pembelian dalam talian. Untuk e-invois bagi pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau kod diskaun, hanya jumlah bayaran akhir akan diterima ["Resit"].</p> <p>c. Resit mesti mengandungi nombor resit, tarikh resit, nama dan/atau logo outlet dan di mana pembelian dibuat dan Produk yang diperlukan yang dinyatakan dengan jelas ["Butiran Resit"]. Sekiranya tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi outlet syarikat di mana pembelian dibuat.</p>

	<p>d. <b>Setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan melalui WhatsApp.</b> Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana penyertaan WhatsApp dengan Resit yang dicetak semula dan/atau Resit yang diduplikasi dan/atau mengandungi lebih dari satu [1] Resit.</p> <p>e. <u>Langkah-langkah penyertaan WhatsApp:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tulis di depan Resit nama penuh anda dan nombor pengenalan ["Butiran Peribadi"]. <i>Contoh: Adam Bin Ali 861202015555</i></li> <li>ii. Tangkap satu [1] gambar/imej yang <b>jelas dan boleh dibaca</b> dalam format imej, satu [1] Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit ["Imej"].</li> <li>iii. Hantar satu [1] Imej melalui WhatsApp dari mana-mana nombor yang berdaftar di Malaysia ke <b>6018 388 6133</b> ["Penyertaan WhatsApp"].</li> <li>iv. Satu [1] Imej mesti mengandungi satu [1] Resit sahaja.</li> <li>v. Penganjur AKAN auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan WhatsApp yang diterima.</li> </ol> <p>f. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan WhatsApp yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan.</p> <p>g. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>
<p>8. <b><u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></b></p>	<p>Semua Penyertaan Promosi mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 30/06/2021. Semua Penyertaan Promosi yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p>9. <b><u>Hadiah Mingguan:</u></b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Terdapat dua belas [12] Hadiah Mingguan dalam bentuk pelbagai Set Peralatan Masakan bernilai RM200 untuk dimenangi setiap minggu untuk sembilan [9] minggu berturut-turut.</li> <li>b. Terdapat sejumlah satu ratus lapan [108] Hadiah Mingguan yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</li> <li>c. Sembilan [9] tempoh mingguan adalah seperti di bawah:  Minggu 1: 01/05 – 07/05/2022    Minggu 2: 08/05 – 14/05/2022  Minggu 3: 15/05 – 21/05/2022    Minggu 4: 22/05 – 28/05/2022  Minggu 5: 29/05 – 04/06/2022    Minggu 6: 05/06 – 11/06/2022  Minggu 7: 12/06 – 18/06/2022    Minggu 8: 19/06 – 25/06/2022  Minggu 9: 26/06 – 30/06/2022</li> </ol>
<p>10. <b><u>Maklumat</u></b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan,</li> </ol>

<p><b><u>Pengadilan Hadiah Mingguan:</u></b></p>	<p>Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri berdasarkan Jadual BP bagi setiap Penyertaan Pos, <i>Drop Box</i> dan WhatsApp yang diterima setiap minggu dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya berdasarkan BP yang diterima [setiap satu “Penyertaan Layak” dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Setiap minggu, satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi minggu tersebut ialah <b>649</b>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan mingguan dua bleas [12] Finalis Hadiah Mingguan: <math>649 \div 12 = 54.09</math></b>. Oleh sebab pembahagian 649 dengan 12 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 54.09 akan dibundarkan ke bawah kepada <b>54</b>. 12 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 54*, 108*, 162*, 216, 270, 324, 378, 432 dan 486 [*contoh pengiraan: <b>54</b>, <math>54+54=108</math>, <math>108+54=162</math>].</p>
<p><b>11. <u>Hadiah Utama:</u></b></p>	<p>Hadiah Utama terdiri daripada yang berikut:</p> <p>a. Satu [1] Hadiah Utama yang terdiri daripada TOYOTA HILUX DOUBLE CAB 2.4E (AT) 4X4 bernilai RM114,135.00 [Diatas Jalan] untuk dimenangi pada akhir Tempoh Promosi. Hadiah Utama adalah termasuk kos untuk pendaftaran kereta standard, cukai jalan dan insurans. Sebarang bayaran tambahan dan/atau yuran rampaian, kos dan/atau perbelanjaan yang akan ditanggung berkaitan dengan menggunakan dan/atau mengekalkan Hadiah Utama hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh dan adalah tanggungjawab sepenuhnya pemenang Hadiah Utama; dan</p> <p>b. Empat [4] Hadiah Pertama yang terdiri daripada wang tunai RM2,000.00 untuk dimenangi pada akhir Tempoh Promosi.</p>
<p><b>12. <u>Maklumat Pengadilan - Hadiah Utama:</u></b></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan finalis Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak yang dikumpulkan dan diproses oleh Penganjur setiap proses pemilihan Finalis mingguan dan sepanjang Tempoh Promosi akan secara berasingan diperuntukkan satu set nombor bersiri yang bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Di akhir Tempoh Peraduan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak ialah <b>8003</b>, Penganjur akan mengira dan memilih Finalis Hadiah Utama berdasarkan cara berikut</p> <p>i. <b>Pemilihan satu [1] Finalis Hadiah Utama: <math>8003 \div 2 = 4001.5</math></b>. Oleh</p>

	<p>sebab pembahagian 8003 dengan 2 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 4001.5 akan dibundarkan ke bawah kepada 4001. Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 4001.</p> <p>ii. <b>Pemilihan empat [4] Finalis Hadiah Pertama: <math>8003 \div 4 = 2000.75</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 8003 dengan 4 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 2000.75 akan dibundarkan ke bawah kepada 2000. 4 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 2000*, 4000*, 6000* dan 8000. [*contoh pengiraan: <b>2000</b>, <math>2000+2000=4000</math>, <math>4000+2000=6000</math>].</p>
<p>13. <b><u>Terma Tambahan:</u></b></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp menerusi nombor telefon bimbit yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu, [maksima sehingga dua [2] Hadiah Mingguan]; dan</li> <li>ii. Satu [1] Hadiah Utama dengan nilai tertinggi.</li> </ol> <p>c. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah.</p> <p>d. Semua hadiah wang tunai akan dikreditkan ke akaun bank tempatan Pemenang dalam masa 6 – 8 minggu dari 30/06/2022. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa dan kaedah pemenuhan yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.</p> <p>e. Semua Pemenang WAJIB memberikan nombor akaun bank tempatan peribadi mereka sendiri apabila diminta. Penganjur berhak untuk melucutkan hadiah wang tunai jika butiran akaun bank tempatan yang diberikan BUKAN di atas nama Pemenang, tidak sah, dipalsukan dan/atau Pemenang gagal memberikan butiran akaun bank tempatan mereka di atas permintaan.</p> <p>f. Semua Hadiah Mingguan dan Hadiah Utama akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 30/06/2021. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa untuk penghantaran Hadiah Mingguan dan Hadiah Utama dan kaedah pemenuhan yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.</p>

	<p>g. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditentukan oleh Penganjur untuk mengambil hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan alternatif yang sama nilainya atau lebih besar.</p> <p>h. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>i. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</p>
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di: <https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-gawai-kaamatan/> secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

Talian Perkhidmatan Pengguna: 1800 88 3433.

## **B. Syarat-syarat Penyertaan**

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakny, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

## **2. Penyertaan Kempen**

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Kempen ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Kempen, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Kempen hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

## **3. Kelayakan**

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Kempen dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

#### **4. Tidak layak**

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Kempen dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

#### **5. Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- (b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Kempen dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

#### **6. Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

- (a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

**(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.
- 6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

**7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

**8. Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

**9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau

syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat,

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Kempen, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Kempen dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Kempen) berhubung dengan Kempen, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris

dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.

- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

**12. Notis Privasi**

- 12.2 Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di [www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice\\_bm](http://www.nestle.com.my/info/privacy_notice_bm).

- 12.1 By participating in the Campaign, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](http://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).